

**AKHBAR : NEWS STRAITS TIME**  
**MUKA SURAT : 5**  
**RUANGAN : NEWS**

PUBLIC SERVICE REMUNERATION SYSTEM

# DZULKEFLY TO MEET NURSE UNION REPS

Move follows concerns raised over extra hours in nurses' workweek

SHAHARUL SHAHABUDIN  
AND ILAH HAFIZ AZIZ  
**SHAH ALAM**  
news@nst.com.my

**H**EALTH Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad is set to meet with representatives from five major nursing unions today to discuss the increase in weekly working hours under the new Public Service Remuneration System (SSPA).

The five are the Malayan Nurses Union (MNU), the Government Midwives and Community Nurses Union of Peninsular Malaysia, the Sabah Medical Services Union, the Sarawak Medical Services Union, and the Health Ministry Workers Union.

This follows concerns raised over the mandate that nurses' workweek be extended from 42 to 45 hours effective Dec 1.

Dzulkefly said: "We want to en-

sure any directive is implemented only after we truly guarantee the interests, welfare and well-being of the workforce, especially our nurses, are protected and assured."

He added that the ministry would engage in further discussions with other stakeholders after today's meeting.

The unions have expressed concern that the increase in working hours without sufficient staffing could lead to heightened risks of stress, burnout and compromised patient care.

"The mental wellbeing of nurses, already impacted by excessive workloads, could affect the quality of patient care.

"If nurses experience mental stress or fatigue, it increases the risk of errors in patient care, compromising both their safety and health," said Malaysian Trades Union Congress (MTUC) president Mohd Effendy Abdul Ghani.

He added that the lack of comprehensive dialogue between the government and professional bodies undermined the development of fair policies that consider the challenges faced by nurses.

He cautioned that longer work-

ing hours could lead to a higher turnover rate among nurses.

"We urge the government to hold immediate discussions with the MNU and other stakeholders to reassess this decision."

In response to these concerns, Dzulkefly defended the new directive, describing it as a reasonable adjustment aimed at improving the flexibility of shift hours for healthcare workers.

He gave his assurance that the ministry would consider the feedback from nurses directly affected by the changes before making any final decisions.

However, he reiterated that the welfare of nurses would remain a priority in any policy changes.

The MTUC, along with the MNU, is calling for a more thorough review of nurses' working conditions, including workloads, compensation and support systems.

Effendy said the government's approach should prioritise the welfare of healthcare workers to sustain a motivated and effective workforce.

"Nurses are the backbone of the national healthcare system, and to ensure the quality of services provided to the public, their welfare must not be compromised."



**LIVELIHOOD RUINED**

Siti Rosmaria Mohamad standing near the edge of where a portion of her shop once stood before it was battered by heavy rain and rough waves and fell into the sea in Kuala Nerus, Terengganu, yesterday. NSTP PIC BY GHAZALI KORI

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 16

RUANGAN : NASIONAL

# KKM beri jaminan beban tugas jururawat akan dibela

Dr Dzulkefly berjumpa dengan wakil daripada lima kesatuan bincang isu lanjutan waktu kerja

Oleh Mahani Ishak  
mahani@bh.com.my

**Shah Alam:** Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad mengesahkan akan berjumpa dengan wakil daripada lima kesatuan jururawat di Kuala Lumpur hari ini, berkaitan lanjutan waktu bekerja.

Beliau berkata, itu bukan satu pertemuan terakhir kerana dijangka akan ada beberapa lagi sesi libat urus bagi memastikan semua perkara berkaitan diteliti dengan terperinci.

"Saya akan mengadakan pertemuan itu esok (hari ini) dan kesatuan jururawat seperti dinyatakan dalam kenyataan media mereka sebelum ini, mereka akan membuat konsultasi dengan ahli dan Kementerian Kesihatan (KKM) juga akan membuat sesi libat urus bersama.

"Kita mahu memastikan semua aspek arahan baharu di bawah Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) yang memerlukan jururawat di wad hospital bekerja tambahan tiga jam seminggu bermula 1 Disember depan akan dilakukan.

"Pelaksanaan itu akan dilakukan selepas kita benar-benar dapat



Dr Dzulkefly (tengah) menyempurnakan gimik perasmian Majlis Perasmian Persidangan Antarabangsa Mengenai Perubahan Tradisional dan Komplementari Ke-10 2024 di Institut Kesihatan Negara, semalam. (Foto BERNAMA)

memastikan kepentingan, kebajikan kemaslahatan, beban tugas jururawat akan dibela dan terjamin," katanya yang mengulas mengenai tambahan jumlah jam bekerja jururawat.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menyempurnakan Majlis Perasmian Persidangan Antarabangsa Mengenai Perubahan Tradisional dan Komplementari Ke-10 (INTRACOM ke-10) 2024 di Institut Kesihatan Negara, di sini semalam.

Yang turut hadir, Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan.

Sebelum ini, media melaporkan keputusan menambah jumlah waktu bekerja itu dinyatakan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024 berkaitan SSPA.

## Rangkumi semua petugas

Susulan itu, perubahan yang diumumkan di bawah SSPA merangkumi semua petugas yang bekerja syif, khususnya Jururawat.

Mengulas lanjut Dr Dzulkefly berkata, lima kesatuan yang terlibat dalam perjumpaan ialah Kesatuan Jururawat Malaya (MNU), Persatuan Bidan-bidan dan Jur-

urawat Masyarakat Kerajaan Semenanjung Malaysia, Kesatuan Perkhidmatan Kesihatan Sabah, Kesatuan Perkhidmatan Kesihatan Sarawak, Kesatuan Sekerja KKM.

"Berikutan itu arahan baharu, semua aspek kita kena pasti tidak mengetepikan kebajikan jururawat dan ini juga sebab mengapa perlu diadakan sesi libat urus.

"Saya sendiri ada menghubungi jururawat tetapi dalam isu ini, kita kena mengambil kira semua pandangan secara menyeluruh supaya tiada pihak tidak dapat diambil pandangan," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 17

RUANGAN : LOKAL

## LANJUT WAKTU BEKERJA

# Menteri jumpa wakil 5 kesatuan jururawat

Oleh Mahani Ishak  
mahani@bh.com.my

Shah Alam

**M**enteri Kesihatan Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad akan berjumpa dengan wakil daripada lima kesatuan jururawat dalam pertemuan yang diarturkan di Kuala Lumpur hari ini, bagi perbincangan lanjut mengenai lanjutan waktu bekerja kakitangan profesion itu.

Beliau berkata, ia bukan pertemuan terakhir kerana dijangkakan selepas ini akan ada beberapa lagi sesi libat urus bagi memastikan semua perkara berkaitan diteliti dengan terperinci.

"Saya akan mengadakan pertemuan itu esok dan kesatuan jururawat seperti dinyatakan dalam kenyataan media mereka sebelum ini, mereka akan membuat konsultasi dengan ahli dan Kementerian Kesihatan (KKM) juga akan membuat sesi libat urus bersama.

"Hal ini kerana kita ma-



DR Dzulkefly (tengah) menyempurnakan gimik perasmian Perasmian Persidangan Antarabangsa Mengenai Perubatan Tradisional dan Komplementari ke-10 2024 di Institut Kesihatan Negara, semalam.

hu memastikan semua aspek arahan baharu di bawah Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) yang memerlukan jururawat di wad hospital bekerja tambahan tiga jam seminggu bermula 1 Disember depan akan dilakukan (dipatuhi).

"Pelaksanaan (arahan baharu) itu akan dilakukan selepas kita benar-benar

dapat memastikan kepentingan, kebajikan kemaslahatan, beban tugas jururawat akan dibela dan terjamin," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang media selepas menyempurnakan Majlis Perasmian Persidangan Antarabangsa Mengenai Perubatan Tradisional dan Komplementari ke-10 2024 di Institut Kesihatan Ne-

gara di sini, semalam.

Sebelum ini, media melaporkan keputusan menambah jumlah waktu bekerja itu dinyatakan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024 berkaitan SSPA.

Susulan itu, perubahan yang diumumkan di bawah SSPA merangkumi semua petugas yang bekerja syif khususnya jururawat.

AKHBAR : NEWS STRAITS TIME  
MUKA SURAT : 5  
RUANGAN : NEWS

## COVID-19 CONSPIRACY CLAIMS

# 8 individuals file RM60 million lawsuit against govt and WHO

**KUALA LUMPUR:** Eight Malaysians have filed a RM60 million class-action lawsuit against the government and the World Health Organisation (WHO), alleging that Covid-19 vaccinations caused deaths and severe health complications.

The eight, represented by Messrs Mohamad Zainuddin & Co, filed the suit naming current Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim, former prime ministers Tan Sri Muhyiddin Yassin and Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, Inspector-General of Police Tan Sri Razarudin Husain, Pfizer Malaysia and Sinovac Biotech Ltd among the 25 defendants.

The plaintiffs claimed WHO and its director-general, Tedros Adhanom Ghebreyesus, declared the fraudulent and unscientific Covid-19 pandemic on March 11, 2020 and approved and recommended member countries worldwide to implement Movement Control Orders (MCOs).

"They made false and misleading suggestions regarding the Covid-19 outbreak, which is a man-made bio-weapon created

in laboratories and made to resemble seasonal flu, and subsequently suggested that only Toxic Experimental Vaccines be used to address the false pandemic.

"All defendants are extremely negligent either by not conducting clinical research and/or proper examinations on the validity of Covid-19 and the safety of Toxic Experimental Vaccines."

The plaintiffs claim the defendants used unfair influence, fraud, misrepresentation, suppression of facts and a lack of full disclosure to secure public consent for what they describe as toxic experimental vaccines.

They allege these tactics led Malaysians, including the plaintiffs, to sign consent forms without being fully informed.

They seek a court declaration that Covid-19 is a man-made biological weapon pandemic created to resemble seasonal flu.

They also want a court declaration to compel the country to withdraw as a WHO and World Economic Forum member, as well as general, special and exemplary damages.

AKHBAR : THE SUNDAILY  
MUKA SURAT : 2  
RUANGAN : NATIONAL

# Govt committed to **boosting** Sabah healthcare services

➤ Federal allocations provided to construct new health clinics and hospitals or upgrade existing ones in state

**KOTA KINABALU:** The federal government, in collaboration with the Sabah government, will continue to work towards enhancing the quality of hospital and health clinic services for the well-being of the people, said state Community Development and People's Well-being Minister Datuk James Ratih.

He said the efforts are being carried out through continuous financial allocations from the federal government to construct new health clinics and hospitals or upgrade existing ones.

"A total of 25 (new) health clinics in the state are under construction at a cost of RM18.8 million, and they are expected to be completed this month. Meanwhile, electrical system upgrades have been fully completed at 33 health clinics, costing about RM2.7 million.

"This year, RM10 million has been allocated to upgrade the buildings of 14 health clinics."

James said the government has expedited the reconstruction of the health clinic in Kampung Tangkarason in Paitan, Beluran, after it was destroyed by fire earlier this year, with the construction cost approaching nearly RM1 million.

"The Tangkarason health clinic has been operating from the village hall since Feb 19, and its reconstruction is now 88% complete. The facility is expected to be ready by Saturday, with

medical and non-medical equipment worth about RM450,000 provided to the clinic.

"Quarters to accommodate clinic staff will also be built next year, costing about RM500,000."

James added that under the Agenda Nasional Malaysia Sihat, the government is committed to promoting the well-being of Malaysians by fostering a healthy lifestyle, including in Sabah.

He said RM1.1 million has been allocated this year for the upgrading and repair of a wellness hub in Sabah under the programme.

He added that the government is also focusing on improving oral health standards in rural areas through mobile dental clinics and campaigns, Bernama reported.

"The government has procured vehicles and equipment for four mobile dental teams in Sabah this year, costing RM1.8 million."

James also highlighted the need for RM208 million to replace, add and procure medical assets for 24 government hospitals and health clinics in Sabah, including 50 four-wheel-drive ambulances, 120 ambulance vans and four boat ambulances, specifically for health clinics in Karakit (Pulau Banggi), Jambongan (Beluran), Pulau Nunuyan (Sandakan) and Sungai Tamang (Pulau Sebatik).

"Health clinics in Sabah urgently need critical medical asset replacements and additions such as 135 ultrasound machines, 115 cardiac defibrillators and 15 fundus cameras for each district. There is also a need for replacing patient waiting chairs and procuring 300 emergency beds for 150 health clinics."

James stressed the importance of strengthening public-private partnership to improve healthcare services in Sabah to optimise available resources.

"This can enhance access to healthcare services, ensuring more effective and high-quality care. For instance, during the Covid-19 pandemic, the Health Ministry collaborated with private hospitals, clinics and laboratories to address the surge in cases in Sabah.

"The partnership included outsourcing medical services, particularly surgeries or procedures for non-Covid-19 patients that were delayed. The initiative involved 23 government hospitals and 31 private hospitals, with an allocation of RM49 million for 3,764 surgeries or procedures across 19 clinical disciplines."

Persatuan Jalinan Kasih Harapan Rakyat Sabah chairman Sammie Liew said the organisation has actively worked with government health clinics and hospitals to promote healthcare awareness for rural communities.

She said a heart disease prevention programme was organised in Merotai with heart condition screenings, free HPV vaccinations, free health check-ups and talks by cardiology specialists.

AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 9  
RUANGAN : NASIONAL

TELUS &amp; TULLUS • MATA DAN TELINGA RAKYAT • PEMACU PERUBAHAN

TELUS & TULLUS  
**Sinar**  
Harian

# Siasat kenaikan caj premium insurans

**BNM digesa siasat, kenaikan hingga 70 peratus membebaskan**

Oleh AISYAH BASARUDDIN  
KUALA LUMPUR

**B**ank Negara Malaysia (BNM) perlu menyiasat dan mengkaji semula syarikat insurans yang mengeluarkan notis kenaikan caj premium antara 40 hingga 70 peratus.

Ahli Parlimen Bayan Baru, Sim Tze Tzin berkata, BNM tidak sepatutnya 'lepas tangan' hanya kerana ia keputusan perniagaan dibuat syarikat insurans kesihatan.

Menurutnya, umum mengetahui kenaikan kadar premium insurans kesihatan amat berkait rapat dengan caj hospital swasta yang melambung tinggi sama ada secara langsung atau tidak langsung.

"Caj hospital swasta tidak terkawal ini menjadi beban buat syarikat insurans. Kini, mereka lepaskan beban tersebut kepada pencarum

golongan M40 dan ke atas, serta segelintir B40. Rakyat mencarum kerana mahukan perkhidmatan swasta terbaik dengan kos munasabah.

"Apabila premium insurans naik mendadak, pengguna berhenti mencarum dan kembali ke hospital kerajaan. Ia secara tidak langsung menambah beban buat hospital kerajaan, malah tempoh menunggu lebih lama.

"Kalau Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) boleh siasat tentang kaut keuntungan berlebihan ke atas kenaikan contohnya telur 10 sen sebiji, mengapa BNM tidak boleh," katanya ketika sidang akhbar di Parlimen pada Rabu.

Sebelum ini, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad dilaporkan bakal membawa pendekatan perkhidmatan kesihatan berasaskan nilai bagi menangani isu caj hospital swasta yang dilaporkan semakin meningkat.

Katanya, di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan



TZE TZIN

Jagaan Kesihatan Swasta 1998 (Akta 586), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hanya berhak mengawal yuran konsultasi dikenakan pakar perubatan, tetapi tidak berkuasa tentang penentuan caj lain.

Tze Tzin berpandangan, ekosistem kesihatan swasta saling berhubung kait dengan sistem kesihatan awam yang dibiayai KKM dan kerajaan persekutuan.

Justeru, katanya, penglibatan BNM dalam isu itu amat diperlukan selain mengadakan sesi dialog dengan pemain industri termasuk Persatuan Hospital Swasta Malaysia.

"Saya juga amat kesal dengan kenyataan Presiden Persatuan Hospital Swasta Malaysia, Dr Kuljit Singh yang mempertahankan kenaikan premium insurans kesihatan sebagai tidak sangsi dan berpatutan.

"Bagaimanapun, saya menyambut baik kenyataan Dr Dzulkefly tentang konsultasi bersama hospital swasta untuk mencapai *value-based healthcare*, saya harap ia berjaya," ujarnya.

AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 9  
RUANGAN : NASIONAL

## Henti carum insurans kesihatan

**SHAH ALAM** - Seorang pekerja swasta mengakui sudah lama berhenti membayar pelan premium insurans sekitar 10 tahun lalu dan kini beralih ke hospital kerajaan untuk mendapatkan rawatan.

Menurutnya yang hanya ingin dikenali sebagai Nur Azma, dia mula mencarum insurans kesihatan pada kadar RM130 sebulan.

Bagaimanapun, apabila berlaku kenaikan inflasi kos perubatan saban

tahun sehingga memberi dampak kepada pertambahan caruman bulanan, hasrat untuk meneruskannya terhenti begitu sahaja.

"Walaupun ia pelan lama, saya perlu perbaharui dan bayar RM220. Jadi, saya ambil keputusan tidak teruskan (carum).

"Saya ambil (pelan premium) ketika mula bekerja. Sekarang, kalau sakit, nak dapatkan rawatan atau ubat, saya ke hospital kerajaan.

"Ketiga-tiga anak saya pun ke

klitik atau hospital kerajaan. Kalau klinik swasta, saya guna panel syarikat," katanya.

Tambah Nur Azma, anak keduanya dilahirkan dalam keadaan pramatang dan dia pernah memasang niat untuk membiayai insurans, namun kadar caruman agak mahal, tidak setimpal dan mungkin tidak mendapat perlindungan penuh.

"Pada pendapat saya, tidak patut kalau kadar premium insurans dinaikkan," ujarinya.

**KISAH 2**

AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 9  
RUANGAN : NASIONAL

## Kos hospital swasta meningkat 12 peratus setahun



NURUL AIN

**SHAH ALAM** - Kos perubatan hospital swasta meningkat sebanyak 12 peratus setiap tahun susulan kegunaan pelbagai teknologi canggih yang tersedia.

Perunding Takaful, Nurul Ain Mohamad Harun berkata, teknologi canggih yang berkos tinggi itu menjadikan bayaran perubatan mengalami kenaikan secara automatik.

"Jika sekiranya kos perubatan meningkat, secara langsung ia memberi kesan kepada bayaran premium yang akan mengalami kenaikan. Ia bergantung kepada dana sesuatu tabung untuk membayar kos perubatan kepada hospital.

"Apabila kos meningkat dan jumlah pesakit

pun bertambah ramai, maka terpaksa dinaikkan harga premium bagi setiap pemegang polisi," katanya kepada *Sinar Harian* pada Isnin.

Sebelum ini, Ahli Parlimen Bayan Baru, Sim Tze Tzin berkata, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) perlu meneliti semula mekanisme kawalan caj hospital swasta yang dilihat semakin meningkat setiap tahun.

Menurutnya, ia bakal membebankan hospital kerajaan jika tidak ditangani segera kerana pesakit mungkin kurang berkemampuan untuk membayar bil dikenakan hospital swasta.

Tambah Nurul Ain, pemegang polisi wajar untuk menaik taraf had tahunan pembiayaan

takaful atau insurans kepada jumlah yang lebih besar bagi menampung kos perbelanjaan rawatan hospital kelak.

"Kos pembedahan bagi penyakit yang biasa berlaku seperti contoh sakit tulang belakang memerlukan sekurang-kurangnya RM60,000, manakala pembedahan jantung dan kanser paling kurang berjumlah RM100,000.

"Harganya memang akan meningkat setiap tahun. Jika dahulu pembiayaan RM100,000 itu mencukupi bagi perubatan dalam setahun namun kini tidak lagi. Jadi pemegang polisi perlu menaikkan had tahunan supaya dapat menampung jumlah bil yang akan dikenakan," katanya.



AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 9  
RUANGAN : NASIONAL

## Terpaksa bayar bil hospital swasta RM8,000

**SHAH ALAM** - Seorang pengawal keselamatan terpaksa 'pejam mata' membayar bil hospital swasta sebanyak RM8,000 secara tunai meskipun mempunyai insurans perlindungan kesihatan. **KISAH 1**

Menurut pekerja swasta, Alisa (bukan nama sebenar), bapanya yang berusia 51 tahun baru sahaja mencarum kad perubatan tahun ini, namun diduga masalah sesak nafas, awal November lalu.

Alisa berkata, pada mulanya ejen insurans memberitahu bakal dilindungi daripada sebarang penyakit termasuk asma, tetapi setelah diperiksa lebih lanjut, doktor mengesahkan bapanya memerlukan ubat yang berkaitan masalah jantung.

"Sesak nafas ayah tak beri kesan pada jantung, cuma tekanan jantung tinggi. Surat jaminan dah lulus, tetapi doktor kata ubatnya ada kena-mengena dengan jantung.

"Itulah antara alasan yang menyebabkan insurans tak lindung, mereka takut. Ejen memang cakap ayah layak dapat perlindungan sebelum dia tandatangani borang persetujuan, sekarang lain pula jadinya.

"Jadi, kami kena bayar bil hospital RM8,000 walaupun tinggal di wad unit rawatan rapi (ICU) tak sampai dua hari," katanya.

Dakwanya, selain caj dikenakan terhadap bapanya terlalu tinggi, layanan jururawat hospital swasta tersebut amat buruk dan tidak menggambarkan sikap sopan santun seorang petugas kesihatan.

## Bayar RM11,000 walaupun carum pelan keluarga

**SHAH ALAM** - Seorang warga emas dikenakan caj lebih RM11,000 untuk dialisis buah pinggang meskipun masih mencarum pelan perlindungan keluarga. **KISAH 3**

Idris (bukan nama sebenar), 62, berkata, dia tidak dapat menuntut polisi tersebut kerana ejen insurans memberikan alasan dia pernah menggunakannya untuk penyakit tidak kritikal sebelum ini.

"Saya dah lama mencarum dan bayar sekitar RM800 untuk diri sendiri, isteri dan anak-anak. Tetapi, saya tak boleh nikmati apa-apa manfaat kerana alasannya pernah guna sebelum ini.

"Jadi, terpaksa saya gunakan duit sendiri, setakat Selasa sudah cecah RM11,000. Jika lama lagi di sini (hospital swasta) mungkin lebih mahal.

"Kalau masih memerlukan rawatan dialisis, saya perlu pindah ke hospital kerajaan," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 9

RUANGAN : LOKAL

# 'Saya nampak dia terbaring tidak bernafas'

Pegawai perubatan jelaskan suhu badan si mati berada di bawah 36 darjah Celsius

Oleh Abdul Rahemang Taiming  
am@hmetro.com.my

## Tawau

Penolong pegawai perubatan di Hospital Lahad Datu memberitahu Mahkamah Tinggi, di sini, semalam, bahawa Allahyarham Mohamad Nazmie Aizzat Mohd Narul Azwan, 17, sudah meninggal dunia antara satu hingga dua jam sebelum pasukan perubatan tiba di lokasi kejadian, jam 7.20 pagi, 22 Mac lalu.

Mohammad Zul Amree Hamzah (*gambar*), 31, menerusi pernyataan saksinya berkata, beliau membuat pengesahan berhubung kematian mangsa, jam 7.38 pagi sebelum menghubungi Dr Adam yang juga pegawai perubatan yang bertugas di Bahagian Kecemasan pada hari itu.

Mohammad Zul Amree berkata, ketika tiba di lokasi kejadian iaitu di bilik asrama, dia nampak seorang pelajar lelaki terbaring dalam keadaan tidak bernafas, dan terdapat seorang lelaki sedang membantu memberikan bantuan pernafasan (tekan dada) ke atas pelajar terbabit (si mati).

Menjawab kepada soalan Timbalan Pendakwa Raya Nur Nisla Abd Latif, ketika pemeriksaan semula berkenaan keadaan badan si mati pada masa itu, Mohammad Zul Amree menjelaskan, suhu badan si mati berada di bawah suhu 36 darjah Celsius dan sejuk selain

aliran darah sudah berkumpul bahagian bawah badan.

**Nur Nisla:** Tadi ada cakap sejuk, di mana?

**Zul Amree:** Saya pegang pada kaki pesakit, sentuh dada dan tangan memang sejuk.

**Nur Nisla:** Tadi kamu ada nyatakan sahkan kematian pada jam 7.38 pagi, sampai lokasi jam 7.20 pagi, CPR biasanya dilakukan 30 minit sebelum kematian.

Kalau ikutkan jarak masa kamu sampai jam 7.20 pagi dan pengesahan kematian jam 7.38 pagi, tidak sampai pun 30 minit? Boleh jelaskan?

**Zul Amree:** Ketika saya sampai di Kolej Vokasional di bangunan asrama, saya ambil masa dua minit untuk sampai ke tingkat tiga dengan membawa peralatan kecemasan dan semasa menyambung memberi bantuan CPR kepada mangsa ketika itu, saya sudah membuat *overall checking* (pemeriksaan menyeluruh).

Dengan pengalaman yang saya ada dalam membuat pengesahan kematian, saya menjangkakan mangsa sudah tiada (meninggal dunia) lebih kurang satu hingga dua jam.

Tetapi saya tetap meneruskan bantuan CPR ini lebih kurang 15 hingga 20 minit dan pada masa sama, saya telah meletakkan bantuan AED (*Automate External Defibrillator*) di atas dada mangsa dan disahkan tiada ritma jantung dan tanda-tanda kehidupan.

**AKHBAR : BERITA HARIAN**  
**MUKA SURAT : C37**  
**RUANGAN : 1KLASSIFIEDS**



# APENDIKS

## Pemakanan penyebab apendiks, benarkah?

Faktor pemakanan sering dianggap sebagai salah satu sebab atau pencetus bagi pelbagai masalah kesihatan.

Dalam kes apendisitis (keradangan pada apendiks), terdapat mitos yang tersebar dalam kalangan masyarakat yang menyatakan bahawa makanan tertentu, seperti biji cili telah menyebabkan berlakunya apendisitis, adakah perkara ini benar?. Namun begitu, penyebabnya lebih kompleks dan tidak dapat dikaitkan secara langsung dengan pemakanan sahaja. Apendiks adalah organ kecil berbentuk kantung yang terletak di sebelah kanan bawah perut, berdekatan dengan usus besar. Apendisitis berlaku apabila apendiks radang dan bengkak, biasanya akibat penyumbatan pada salurannya yang menyebabkan jangkitan. Walaupun tidak ada bukti yang jelas bahawa pemakanan adalah punca utama apendisitis, ada beberapa faktor yang mungkin berhubung kait dengan peningkatan risiko apendisitis.

**Punca-punca apendiks**  
Kekurangan serat dalam diet boleh meningkatkan risiko sembelit dan pembentukan najis yang keras, yang seterusnya boleh menyebabkan penyumbatan saluran apendiks, dan akhirnya membawa kepada apendisitis. Makanan yang kaya dengan serat,

seperti buah-buahan, sayur-sayuran, dan bijirin penuh, membantu memastikan pencernaan yang sihat dan mengurangkan risiko sembelit.

Diet yang kaya dengan makanan berlemak atau makanan olahan yang kurang serat dan nutrisi penting juga boleh berperanan dalam meningkatkan risiko masalah pencernaan, termasuk apendisitis. Walaupun hubungan langsung antara diet tinggi lemak dan apendisitis tidak terbukti, gaya hidup yang tidak sihat mungkin mempengaruhi fungsi sistem pencernaan secara keseluruhan.

Benda asing atau najis keras yang terperangkap dalam apendiks boleh menyebabkan penyumbatan yang membawa kepada keradangan. Penyumbatan ini boleh berlaku disebabkan oleh pelbagai faktor, termasuk diet yang tidak seimbang.

Apendisitis sering berlaku akibat penyumbatan dalam apendiks, yang boleh disebabkan oleh najis keras, pembengkakan kelenjar getah bening, atau kadangkala infeksi oleh mikroorganisma tertentu.

Apendisitis paling sering berlaku pada orang muda, terutamanya mereka yang

berumur antara 10 hingga 30 tahun, tanpa mengira jantina.

**Simptom-simpton apendiks**

- Kesakitan berhampiran pusat atau perut dibahagian kanan bawah
- Hilang selera makan
- Perut membengkak
- Mual dan muntah
- Demam
- Sembelit
- Cirit-birit
- Tidak berkeupayaan untuk kentut

Secara keseluruhan, walaupun pemakanan yang tidak seimbang boleh mempengaruhi kesihatan pencernaan dan mungkin berperanan dalam peningkatan risiko apendisitis (terutamanya jika ia menyebabkan sembelit atau penyumbatan pada apendiks), punca sebenar apendisitis lebih berkait rapat, dengan penyumbatan mekanikal pada apendiks dan jangkitan bakteria. Faktor-faktor lain seperti genetik, usia, dan keadaan perubatan juga memainkan peranan dalam risiko seseorang mendapat apendisitis.

